

# REVISION 1

181st Annual General Conference  
Sunday Afternoon Session, April 3, 2011

Berkat-Berkat Abadi Perkahwinan

Elder Richard G. Scott

Dari Korum Dua Belas Rasul

Pada hari bulan Julai, enam belas, tahun Sembilan belas lima puluh tiga, Jeanene yang kukasihi dan saya berlutut pada altar dalam bait suci di Manti, Utah sebagai pasangan yang muda. Presiden Lewis R. Anderson gunakan kuasa pementeraan dan mengisytiharkan kami suami dan isteri, dikahwin buat keabadian. Saya tidak dapat menghuraikan kedamaian dan ketenangan yang datang dari jaminan bahawa, jika saya terus hidup dengan layaknya, saya akan dapat hidup bersama Jeanene dan anak-anak kami buat keabadian kerana tatacara yang kudus itu telah dilakukan dengan kuasa imamat yang benar dalam bait suci.

Tujuh orang anak kami diikat dengan kami oleh tatacara kudus bait suci. Isteri saya, Jeanene, dan dua orang anak kami sudah meninggal dunia. Mereka adalah satu galakan yang memang kuat kepada semua ahli keluarga kami yang masih hidup untuk hidup dengan baik supaya kami dapat menerima berkat-berkat abadi yang sudah dijanji dalam bait suci.

Dua unsur yang penting yang menyokong rancangan kebahagiaan Bapa Syurgwi adalah perkahwinan dan keluarga. Kepentingan kedua-dua unsur ini ditegaskan oleh cubaan dari Setan untuk memecahkan keluarga dan meruntuhkan kepentingan tatacara bait suci, yang mengikat keluarga buat keabadian. Pementeraan bait suci lebih bertambah ertinya semasa kita lebih berpengalaman dalam hidup. Ia akan menolong kamu terus menjadi lebih rapat dan memperoleh kebahagiaan dan kepuasan dalam kehidupan fana .

Saya dapat belajar satu ajaran yang mustahak dari isteri saya. Saya sering kali membuat perjalanan yang jauh dalam bidang kerjaya saya. Satu kali, saya sudah keluar sepanjang dua minggu dan pulang pada satu pagi hari Sabtu. Dan saya harus menghadiri satu mesyuarat lagi selepas empat jam. Mesin cuci baju kami sudah rosak dan isteri saya mencuci baju dengan tangan. Saya pun mula memperbaiki mesin itu.

Jeanene menanya saya, “ Rich, apa yang kamu lakukan sekarang?”

Saya kata, “Saya sedang memperbaiki mesin cuci ini supaya kamu tidak harus cuci baju dengan tangan.”

Saya jawab, “Saya boleh bermain bersama mereka bila-bila pun . Saya mahu tolong kamu.”

Dia balas, “Richard, sila pergi bermain dengan anak-anak kami.”

Bila dia berucap dengan suara yang penuh kuasa, saya patuh.

Memang seronoknya untuk bermain bersama anak-anak saya. Kami mengejar satu sama lain dan main dalam kumpulan daun luruh. Dan kemudian saya pun pergi ke mesyuarat itu. Saya mungkin akan lupa pengalaman itu, jika Jeanene tidak inginkan saya belajar dari pengalaman itu.

Pada pagi berikut, agak-agak pukul empat, saya dibangun oleh dua lengan di sekitar leher saya dan ciuman pada pipi saya dan bisikan dalam telinga saya, yang tidak akan saya lupakan : “ Ayah, saya kasihimu. Kamu sahabat paling baik saya.”

Jika kamu berpengalaman macam ini dalam keluarga kamu, kamu mengalami sesuatu kebahagiaan yang agung.

Jika kamu seorang pemuda yang cukup usia dan masih belum kahwin, jangan buang masa dengan pengejaran yang tidak bertujuan. Hidup dan fokus untuk berkahwin. Jangan hidup tanpa berusaha untuk bermaju depan. Para pemuda, layankan misi yang layak. Kemudian, keutamaanmu adalah untuk mencari seorang teman yang layak dan kekal. Bila kamu ditarik hati oleh seorang pemudi, tunjukkan dia kamu seorang yang istimewa yang dia akan ingin mengenali. Ambil dia ke tempat yang beradab. Tunjukkan daya cipta dalam janji temu kamu. Jika kamu hendakkan seorang isteri yang baik, gadis itu perlu menampak kamu sebagai seorang lelaki yang baik dan seorang bakal suami.

Jika kamu sudah ada seorang teman, kamu boleh membentuk satu perhubungan yang istimewa dan perkahwinan yang abadi dengan menghidupkan kelayakan Tuhan yang sudah ditubuh.

Jika kamu sudah kahwin, adakah kamu taat kepada pasangan kamu secara mental dan jasmani? Adakah kamu setia kepada perjanjian perkahwinan kamu dengan tidak berbual dengan orang yang kamu tidak ingin didengar oleh pasangan kamu? Adakah kamu berbelas kasihan dan memberi sokongan kepada teman dan anak-anak kamu?

Para saudara, adakah kamu mengetuai aktiviti keluarga seperti pengajian kitab suci, doa keluarga, dan malam keluarga, atau isterimu yang melaksanakan tugas-tugas itu kerana kamu tidak memberi perhatian? Adakah kamu memberitahu isterimu betapa banyak kamu mencintai dia? Lakuan in akan memberikan kebahagiaan kepadanya. Para saudara selalu menjawab soalan itu dengan, “ Oh, dia tentangnya tahu.” Kamu perlu beritahu dia. Seorang wanita dapat bertumbuh dan diberkat oleh keyakinan itu. Tunjukkan kesyukuran demi perkara yang dilakukan olen teman kamu. Tunjukkan kasih sayang dan

kesyukuran selalu. Ini akan menjadikan hidupmu lebih kaya, lebih gembira, dan bertujuan. Jangan menyembunyikan pernyataan semula jadi itu. Dan tunjukkan itu lebih berkesan jika kamu memeluk dia bila memberitahu dia. Adakah kamu menyokong isterimu dengan menjaga anak-anak dan buat kerja rumah? v18

Saya belajar tentang kepentingan pernyataan dari isteri saya. Pada masa awal perkahwinan kami, banyak kali saya mendapati satu nota yang penuh dengan kasih sayang yang ditaruh oleh Jeanana bila saya membuka kitab suci saya. Kadang kala nota-nota itu sangat halus sehingga saya tidak dapat berucap. Nota-nota yang berharga dari isteri saya terus menjadi satu harta yang memberikan keselesaan dan ilham.

v19

Saya pun mula melakukan perkara yang sama untuk dia, tanpa menyedari betapa penting kelakuan itu bererti kepada dia. Saya ingat satu tahun kami tidak ada duit untuk saya membeli satu hadiah Valentine kepada dia, jadi saya melukiskan satu gambar warna air pada depan peti sejuk. Saya lukis dengan segala upaya saya, tetapi saya buat satu kesalahan. Saya gunakan cat enamel, bukan warna air. Dia tidak benarkan saya menanggalkan cat kekal itu.

Ada satu hari, saya mengutip bulatan-bulatan kertas dari alat menebuk lubang kertas dan menulis nombor dari satu hingga seratus pada bulatan bulatan kertas itu. Kemudian saya menuli satu mesej, satu perkataan demi satu perkataan di belakang setiap bulatan-bulatan kertas itu. Kemudian saya masukkan bulatan-bulatan itu dalam sampul surat. Saya fikir dia akan ketawa.

Selepas dia meninggal dunia, saya menyedari tentang betapa dia menilai mesej-mesej yang kami kongsi dengan satu sama lain. Saya mendapati bahawa dia melekat setiap kertas bulatan itu pada satu keping kertas. Dan dia juga melindungi mereka dengan penutup plastic seperti satu harta yang bernilai. Hanya satu mesej tidak disimpan di situ. Mesej itu masih dilekat pada belakang kaca jam dapur kami. Inilah mesej itu, “Jeanene, ini waktu untuk memberitahu kamu bahawa saya mencintaimu.” Mesej itu masih berada di situ dan mengingatkan saya tentang puteri Bapa Syurgawi yang luar biasa itu.

Saya berfikir balik tentang kehidupan kami dan menyedari bahawa kami sudah banyak diberkat. Kami tidak ada pertelingkahan dalam rumah atau kata-kata yang kejam di antara kami. Sekarang baru saya sedar bahawa berkat-berkat itu datang dari Jeanene. Berkat-berkat itu adalah hasil dari kerelaannya untuk bersedek, berkongsi, dan tidak mementingkan dirinya sendiri. Saya cuba mengikut teladannya. Saya cadangkan bahawa sebagai suami dan isteri, kamu melakukan begitu juga dalam rumahmu.

Kasih sayang yang suci adalah satu kuasa yang tidak berbanding dan kuat untuk kebaikan. Kasih sayang yang soleh adalah dasar perkahwinan yang maju. Ia juga adalah

punca utama untuk anak-anak menjadi puas hati dan bertumbuh dengan baik. Siapa dapat mengukur pengaruh soleh dari kasihan ibu? Apakah hasil dari biji benih kebenaran dari seorang ibu yang menanam dengan berhati-hati dan memupuk dalam tanah subur akal dan hati seorang kanak? Sebagai seorang ibu, kamu sudah dikurnia naluri Tuhan untuk menolong kamu mengesan bakat dan keupayaan istimewa anakmu. Bersama dengan suamimu, kamu dapat mengasuh, memperkuatkan, dan mengembangkan ciri-ciri itu.

Perkahwinan memang menganjarkan. Perkahwinan memang baik. Kamu akan berfikiran sama dan memperoleh pendapat dan idea yang sama. Ada waktunya kamu gembira, ada juga waktu ujian, dan waktu cabaran, tetapi Tuhan akan membimbing kamu melalui pengalaman itu.

Pada suatu malam, anak lelaki kami, Richard yang menderita penyakit hati bangun dari tidur dan menangis. Kami dengar tangisannya. Biasanya, isteriku yang menjaga bayi yang menangis, tetapi kali itu saya kata, “ Biarlah saya pergi menjaga dia.”

Kerana penyakitnya, bila Richard menangis, hatinya berdegup dengan cepat . Dia akan muntah dan kotorkan kain katilnya. Malam itu, saya memegangnya dengan ketat untuk menenangkan hatinya dan menghentikan tangisannya. Saya tukarkan bajunya dan letakkan kain katil yang baru. Saya memegangnya sehingga dia tidur. Saya tidak tahu pada saat itu dia akan meninggal dunia beberapa bulan selepas itu. Saya akan selalu mengingati memegang bayi itu dalam lengan saya di tengah-tengah malam.

Saya ingat dengan jelasnya hari dia meninggal dunia. Bila saya dan Jeanene memandu balik dari hospital, kami hentakan kereta kami di tepi jalan. Saya memeluk dia dalam lengkungan lengan saya. Kami menanggis , tetapi kami sedar bahawa kami akan bersama dia pada suatu hari nanti di sebelah duna ini kerana perjanjian yang kami lakukan dalam bait suci. Kesedaran itu menjadikan kehilangannya lebih senang diterima.

Belas kasihan Jeanene sudah mengajar saya tentang banyak perkara yang bernilai. Saya memang tidak matang, dan dia sungguh bersiplin dan rohani. Perkahwinan memberikan satu situasi yang sesuai untuk mengatasi sebarang kecenderungan untuk mementingkan diri. Pada pendapat saya, salah satu sebab kita dinasihati untuk berkahwin awal adalah untuk mengelakkan pembinaan sifat sifat yang tidak sesuai dan susah diubah.

Saya berasa kasihan terhadap lelaki yang belum berputus untuk mencari seorang teman abadi dan hati saya menangis bagi para saudari yang masih tidak berpeluang untuk berkahwin. Ada di kalangan kamu yang merasa kesepian dan tidak dihargai dan ternampaknya mustahil bagi kamu untuk menerima berkat-berkat perkahwinan dan anak-anak serta keluarga. Semua hal adalah mungkin kepada Tuhan, dan Dia menjaga janji yang diisytiharkan oleh nabi-nabiNya yang diilham. Keabadian adalah masa yang panjang. Beriman terhadap janji-janji itu, dan hidup untuk berkelayakkan janji-

janjian itu supaya Tuhan boleh menunaikan janji itu dalam hidupmu pada tempoh masa Tuhan. Pastinya, kamu akan terima setiap berkat yang kamu layak menerima.

Sila ampunkan saya kerana saya berucap tentang isteriku, Jeanene, tetapi kami keluarga abadi. . Dia sentiasa gembira, dan kebanyakan kegembiraan itu datang dari melayan orang lain. Walaupun pada masa kesakitan, dalam doa paginya, dia merayu kepada Bapa Syurgawi untuk membimbing dia kepada orang yang dapat dia tolong. Rayuan yang ikhlas itu dijawab berkali-kali. Beban banyak orang disenangkan; kehidupan mereka menjadi terang. Dia terus diberkat kerana dia satu alat yang diarah oleh Tuhan.

Saya tahu tentang perihal menyayangi seorang puteri Tuhan yang berbudi bahasa dan setia untuk memenuhi potensinya sebagai seorang wanita . Saya yakin bahawa bila saya jumpa dia lagi pada masa depan, kami akan lebih menjatuh cinta. Kami akan lebih menghargai satu sama lain, setelah masa pemisahan ini, dalam nama Yesus Kristus, amin.